

**CERITA JENAKA MELAYU SUATU MANIFESTASI WATAK DAN PERWATAKAN POSITIF**

MALAY HUMOUR STORIES: A MANIFESTATION OF CHARACTER AND POSITIVE CHARACTERISTIC

**Muhammad Safuan Bin Ismail**  
**Roslina Bt Abu Bakar**  
**Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy**  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, 43400 Selangor, Malaysia

**Email :** safuan\_12@yahoo.com  
lynabubakar@upm.edu.my  
nikrafidah@gmail.com

**Abstrak**

Cerita jenaka Melayu merupakan salah satu daripada jenis cerita rakyat yang memaparkan watak dan perwatakan lucu sehingga menghiburkan audiens. Kajian terdahulu mengenai cerita jenaka Melayu menghasilkan tanggapan bahawa masyarakat Melayu dianggap lurus, jumud, bodoh, taat pada raja secara membata tuli, tidak bertamadun, tidak pandai berfikir. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menyanggah pendapat tersebut dan membuktikan bahawa cerita jenaka Melayu ditunjangi oleh watak dan perwatakan positif seperti ringan tulang, menurut perintah, berani dan berdikari. Kajian ini merujuk kepada sumber primer iaitu cerita jenaka Melayu bertajuk *Awang Lurus*, *Pak Pandir*, *Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu memperlihatkan watak dan perwatakan positif yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu. Kedua, menganalisis watak dan perwatakan positif berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik. Penganalisisan adalah mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan

Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy, "Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 296-329

analisis kandungan yang disesuaikan dengan lima prinsip pendekatan Psikologi Humanistik iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan akan harga diri dan keperluan mencapai kesempurnaan diri.

**Kata Kunci:** Cerita Jenaka Melayu, Watak, Perwatakan, Positif

### **Abstract**

Malay humorous tales are one of the Malay tales that shows a funny character and characteristic to entertain the audience. Previous studies about Malay humorous tales produce the assumption that the Malay community is considered a straight, old-fashioned, silly, loyal to the king blindly and do not know how to think. Therefore, this study was done to refute it and prove that Malay humorous tales anchored by the character and positive character like hardworking, according to the command, courage, and self-reliance. The study refers to the primary source of Malay story of funniness such as *Awang Lurus*, *Pak Pandir*, *Pak Kaduk* and *Si Luncai*. This study has two objectives, namely to reflect the character and positive character contained in Malay tales of humor. Second, analyze the character and positive character based on an approach to humanistic psychology. The analysis of literature is to apply the methods and content analysis that is tailored to the five principles of Humanistic Psychology approach the physiological needs, safety needs, needs love, needs for self-esteem and the need to achieve self-perfection.

**Keywords:** Malay humorous tales, Character, Characteristic, Positive

## 1.0 Pengenalan

Sastera lisan merupakan sastera rakyat yang dituturkan oleh orang perseorangan, tukang cerita atau penglipur lara. Sastera rakyat dikategorikan kepada cerita jenaka, cerita lipur lara, cerita tauladan dan juga cerita binatang. Fokus penulisan ini adalah mengenai cerita jenaka Melayu seperti cerita Awang Lurus, cerita Pak Pandir, cerita Pak Kaduk, dan cerita Si Luncai. Sintesis dan penganalisan cerita-cerita jenaka tersebut bertujuan memperlihatkan dan memperjelaskan perwatakan positif yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu. Secara tidak langsung, kajian ini berupaya memperlihatkan unsur positif dalam watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu yang sebelumnya dianggap negatif sebagaimana petikan berikut:

Oleh hal yang demikian, watak dan perwatakan utama menerusi cerita jenaka Melayu turut menerima nasib yang sama sehingga watak-watak utama yang diketengahkan selalunya digambarkan bersifat negatif seperti mana pandangan sarjana barat iaitu Winstedt. Winstedt menyatakan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu hanya mempunyai lima watak sahaja seperti watak Pak Kaduk, watak Lebai Malang, watak Pak Pandir, watak Si Luncai, dan juga watak Pak Belalang. Watak-watak dalam cerita jenaka Melayu ini dikatakan berperwatakan bodoh, bodoh sial dan juga

(Saiful Bahari Md. Radzi, 2001: 24)

Bersandar kepada pandangan Winstedt tersebut, sarjana tempatan iaitu Noriah Taslim (2008:91) turut mengkategorikan watak utama cerita jenaka Melayu kepada perwatakan negatif seperti lalai, lemah, tidak dapat melakukan sesuatu kerja dengan sempurna seperti manusia normal lain. Noriah Taslim (Dewan Sastera, 2008: 91), turut menyatakan bahawa kebodohan Pak Pandir diperlihatkan apabila watak tersebut tidak dapat menyempurnakan tugas-tugas yang paling mudah, dan sentiasa melakukan perkara-perkara yang bercanggah iaitu tidak wajar menurut logika akal manusia normal.

Oleh hal yang demikian, dapatlah dibuktikan bahawa pandangan Noriah Taslim tersebut tidak tepat dan dilihat pada satu lapis peringkat sahaja. Pandangan mengenai watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu yang digambarkan berperwatakan bodoh dan sial itu sukar untuk dikikis daripada pemikiran masyarakat Melayu kini kerana pemikiran bersifat negatif tersebut telah sebatikan dalam kehidupan masyarakat Melayu moden. Di samping itu, pendapat sedemikian turut memperlihatkan pandangan negatif sarjana Barat seperti Winstedt yang memberi kesan untuk melemahkan semangat dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

Tulisan Winstedt terutamanya sekali dikritik dengan hebat oleh Barat dan intelektual Melayu sendiri. Tulisan Winstedt ini dianggap cetek, tidak menyeluruh dan memperlihatkan keyakinan orang Inggeris yang keterlaluan terhadap kelebihan bangsanya.

(Noriah Taslim, 2010: 110)

Petikan tersebut menjelaskan pandangan Noriah Taslim (2010) yang menyatakan bahawa Winstedt tidak mengkaji karya masyarakat Melayu tradisional secara menyeluruh, sehingga menyebabkan masyarakat Melayu digambarkan bersifat negatif sebagaimana petikan berikut:

sejarah-sejarah Melayu lama diletak pada taraf sastera,  
orang-orang Melayu dahulu kala di tafsir sebagai lurus,  
jumud, bodoh, taat pada raja secara membuta tuli, tidak  
bertamadun, tidak pandai berfikir.

(Hj Muzaffar Dato' Haji Mohamad, 2003: 33)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa menerusi sejarah masa lalu, masyarakat Melayu tradisional dikatakan sebagai masyarakat yang lurus, jumud, bodoh, taat pada raja secara membuta tuli, tidak bertamadun, tidak pandai berfikir sehingga menyebabkan tanggapan yang bersifat negatif ini kekal dari dahulu hingga kini tanpa adanya kajian secara menyeluruh untuk melihat keperibadian masyarakat Melayu tradisional.

Persoalan yang disuguhkan menerusi cerita rakyat Melayu memperlihatkan corak kehidupan sebenar masyarakat di sekitarnya. Secara total, kajian-kajian terdahulu jelas memperlihatkan tanggapan negatif mengenai watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu dan secara tidak langsung mencetuskan dapatan bahawa masyarakat Melayu rendah budayanya. Hal tersebut turut dipersetujui oleh Wan Abdul Kadir Wan Yusof (2007) yang menyatakan bahawa:

Tradisi masyarakat Melayu adalah tradisi kecil yang mengandungi unsur-unsur budaya dari luar yang dikenali sebagai proses difusi budaya iaitu pengaruh daripada budaya asing seperti India dan Islam, dan ia dianggap telah mempengaruhi keseluruhan tradisi budaya Melayu. Oleh itu rangka pemikiran seperti ini adalah bertujuan untuk memperkecilkan budaya Melayu dan sudah tentu mereka mempunyai agenda tersendiri dalam usaha untuk menakluki tanah jajahan pada ketika itu.

(Wan Abdul Kadir Wan Yusuf, 2007: 41)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa masyarakat Melayu sememangnya mempunyai budaya yang tinggi dan setanding dengan masyarakat luar. Justeru, lima prinsip Psikologi Humanistik iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan akan harga diri dan keperluan mencapai kesempurnaan diri berupaya mensahihkan kebenaran sifat dan sikap positif watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu. Contohnya, watak utama menerusi cerita Awang Lurus, cerita Pak Pandir, cerita Pak Kaduk dan cerita Si Luncai mempunyai perwatakan positif seperti ringan tulang, menurut perintah, berani, mempertahankan hak dan menepati janji. Fenomena tersebut berupaya membuktikan bahawa tanggapan Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) tersebut adalah tidak tepat. Kajian ini turut berupaya menangkis pendapat para sarjana tempatan mengenai watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu yang sinonim dengan pendapat Winstedt. Contohnya, Ariffin Said (2006) turut

menyatakan bahawa cerita jenaka Melayu memaparkan tingkah laku anggota masyarakat yang kurang sopan seperti perwatakan yang digariskan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24).

## **2.0 Analisis**

Menurut Kamus Dewan (2007: 1803), watak merupakan sifat (seseorang) yang zahir dan batin (merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya, pemikirannya, dsb). Manakala Ismail Ahmad (*Memahami Cerpen dan Novel*, 1988: 64) pula menyatakan bahawa watak dan perwatakan adalah jelmaan manusia biasa yang berperibadi. Ia seterusnya berfungsi untuk mengembangkan tema dan persoalan serta plot dalam sesebuah cerita yang boleh menimbulkan konflik serta mengubah sikap, pandangan hidup dan pemikiran seseorang watak dalam satu-satu masyarakat. Oleh itu perwatakan tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu positif dan negatif.

Perkataan bodoh menurut *Kamus Dewan* (2010:197) adalah sukar mengerti atau mempelajari sesuatu iaitu bebal, dungu dan tolol. Perkataan ini sering digunakan kepada manusia yang tidak menggunakan akal mereka dengan betul sehingga berlakunya perkara-perkara di luar tindakan kebiasaan. Perkataan sial menurut *Kamus Dewan* (2010:1484) pula membawa erti tidak beruntung (selalu gagal dalam mendapatkan sesuatu dll), tidak bernasib baik (selalu ditimpa kemalangan, selalu susah, dll). Merujuk kepada maksud perkataan bodoh dan sial menerusi *Kamus Dewan* (2010: 197 & 1484) tersebut, watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu seperti yang dikemukakan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) jelas memperlihatkan

kelemahan masyarakat Melayu. Perkara ini turut diperakui oleh Johan Jaafar (2003) sebagaimana berikut:

"Cerita lisan seperti cerita jenaka ini wujud disebabkan oleh ianya adalah sebahagian eskapisme daripada kebosanan dan perjuangan mereka untuk hidup. Diyakini cara mereka mempersendakan diri dan membuat penilaian jujur terhadap kelemahan diri".

(Dewan Sastera, Mei 2003: 52)

Kenyataan tersebut menggambarkan pendapat yang sinonim dengan ciri-ciri perwatakan negatif serta memperlihatkan kelemahan masyarakat Melayu sebagaimana yang dirumuskan oleh Winstedt. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk memperlihatkan watak dan perwatakan positif menerusi cerita jenaka Melayu iaitu ringan tulang, menurut perintah, berani, mempertahankan hak dan menepati janji.

## **2.1 Ringan tulang**

Menurut *Kamus Peribahasa* (Shamsuddin Ahmad, 2007: 120), ringan tulang ialah perbuatan rajin untuk melakukan sesuatu pekerjaan seperti membantu orang lain untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) telah menggariskan bahawa watak-watak dalam cerita jenaka Melayu ini berperwatakan bodoh. Namun demikian, kenyataan tersebut bertentangan dengan watak dan perwatakan sebenar yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu seperti perwatakan ringan tulang, rajin melakukan kerja-kerja harian serta membantu orang yang berada di



sekelilingnya. Perwatakan ringan tulang tersebut jelas bertentangan dengan definisi perkataan bodoh yang sukar mengerti atau mempelajari sesuatu iaitu bebal, dungu, tolol, tidak menggunakan akal mereka dengan betul sehingga berlakunya perkara-perkara di luar tindakan kebiasaan (Rujuk *Kamus Dewan* (2010:197)). Kenyataan tersebut disahihkan menerusi petikan berikut yang menjelaskan bahawa watak menerusi cerita jenaka Melayu tersebut menggunakan akalnya dengan betul. Akal merupakan anugerah istimewa yang diberikan oleh Allah kepada manusia untuk memikirkan perkara yang baik dan buruk dalam membuat sesuatu keputusan. Contohnya, petikan berikut memperlihatkan tindakan watak Awang Lurus yang menggunakan akal fikiran yang rasional serta melakukan kebaikan. Contoh petikan:

Lepas tu due tigo hari lagi nak rayo bulan dalam bulan puaso ibu dio suruh p cari daging. Untok nok makan rayo lah. Beli due kati cukop lah. Depo duo beranak. Zaman dulo murah ja kalo duo kati due ringgit gitu ja. Pas tu Awang pun ambik duit ambik duit kat mak dio. Terus p la, p ke pasa sari tu. Berjalan die sorang-sorang.

(Awang Lurus oleh Penglipurlara Ramli Mahmood, Mac 2013)

Petikan tersebut memperlihatkan watak dan perwatakan Awang Lurus yang ringan tulang kerana membantu ibunya membeli daging di pasar untuk kegunaan sambutan hari raya. Awang diperlihatkan sebagai seorang anak yang mempunyai perwatakan baik, menggunakan akal fikiran yang rasional serta melakukan kebaikan. Petikan tersebut turut

memperlihatkan watak Awang yang menggunakan akal yang rasional untuk melakukan sesuatu tindakan sebagaimana kenyataan tersebut:

"Akal merupakan satu anugerah Allah SWT yang sangat berharga, malah kewajipan agama akan ditaklifikasikan kepada orang yang berakal. Kewujudan akal membantu manusia merancang, memikir, mengkaji sesuatu aktiviti dengan betul dan berkesan kerana ia juga boleh menjadi aslat dan petunjuk kebenaran. Ia boleh dijadikan neraca pertimbangan dalam melakukan sesuatu tindakan".

(Rukiah Binti Mohamad, 2008:16)

Fenomena tersebut disahihkan dengan keperluan fisiologi (Frank G. Goble, 1987: 71) menerusi pendekatan Psikologi Humanistik. Keperluan fisiologi menekankan kepada keperluan manusia untuk mencapai kesejahteraan fizikal seperti makan, minum, menghirup udara, istirahat, buang air besar dan kecil, menghindari rasa sakit, ataupun keperluan batiniah. Oleh hal yang demikian, perwatakan Awang Lurus yang ringan tulang kerana membantu ibunya membeli daging di pasar untuk kegunaan sambutan hari raya mensahihkan perwatakan positif watak tersebut yang turut menggunakan akal fikiran yang rasional dalam berkelakuan. Tindakan murni watak Awang Lurus tersebut menggambarkan perwatakan ringan tulang dan rasional. Tindakan Awang Lurus membantu ibunya membeli daging sebagai juadah sambutan hari raya memperlihatkan kepentingan fisiologi yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Watak Awang Lurus

tersebut jelas memperlihatkan perwatakan yang melakukan sesuatu yang cerdik dan selari dengan kenyataan Hassan Ahmad (2007) sebagaimana berikut:

“cerita-cerita berkenaan manusia dungu (tidak semestinya bodoh kerana ada ketikanya dia boleh melakukan sesuatu yang cerdik) merupakan kejenakaan yang sejagat kerana watak jenaka itu terdapat pada cerita rakyat di pelbagai tempat yang kebanyakannya berkisar pada kelakuan bodoh dan absurd”

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: xxxiv)

## 2.2 Menurut Perintah

Perwatakan menurut perintah adalah perwatakan yang dituntut oleh agama mahu pun adat kepercayaan dalam satu-satu masyarakat. Menurut Kamus Dewan (2010: 1747), mencontohi (perbuatan orang lain dll), meneladani, meniru, tidak melawan, dan patuh. Manakala perkataan perintah (2010: 1187) pula bermaksud kata yang menyuruh (mengarah) melakukan sesuatu, arahan, suruhan (ms: 1187). Oleh hal yang demikian, perkataan menurut perintah membawa pengertian mengikut telunjuk dan arahan yang diberikan.

Sehubungan dengan itu, penggunaan perkataan menurut perintah ini turut bersamaan dengan konsep Wa 'ad iaitu daulat dan derhaka yang telah dipersetujui oleh Seri Teri Buana dan Lemang Lebar Daun yang diperlihatkan menerusi *Sejarah Melayu* (1979: 24). Masyarakat Melayu tradisional sangat berpegang teguh kepada perjanjian tersebut

kerana jika melanggar wa 'ad, dikhuatiri kedua-dua belah pihak iaitu pihak pemerintah dan rakyat akan terkena tulah sebagaimana yang diperlihatkan menerusi petikan berikut:

"Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau Raja Melayu itu mengubahkan perjanjiannya dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya".

(*Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, 1979: 24)

Petikan tersebut merupakan perjanjian pihak pemerintah dan rakyat biasa yang memperlihatkan ketaatan dan kepatuhan masyarakat Melayu tradisional terhadap pihak pemerintah atau raja yang berkuasa mutlak. Namun demikian, cerita jenaka Melayu turut memperlihatkan watak jenaka yang menggunakan akal mereka dengan betul serta membawa keuntungan, bernasib baik sehingga berjaya mendapatkan sesuatu yang membawa faedah. Kenyataan tersebut disahihkan menerusi watak Pak Kaduk yang tergadai kampungnya akibat daripada menyabung ayam dengan raja. Peristiwa tersebut tidak dapat dianggap bodoh sial seperti mana yang diperkatakan oleh Winstedt (Saiful Bahri Md. Radzi, 2001: 24). Atas dasar keselamatan diri dan sebagai rakyat biasa, Pak Kaduk perlu mematuhi perintah raja. Raja yang berhasrat menukar ayam miliknya dengan ayam milik Pak Kaduk perlu dipatuhi kerana sekiranya tidak melaksanakan suruhan tersebut sudah tentu hukuman akan dikenakan terhadap dirinya. Kenyataan tersebut sebagaimana petikan berikut:

Di ketahuilah oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kaduk itu. Maka titah baginda, "Hai Pak Kaduk, mari kita bertukar ayam! Ambilah ayam beta ini, elok, cuba lihat roman jalak putih mata, dan ayam Pak Kaduk biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya." Setelah didengar oleh Pak Kaduk akan titah baginda mengula dirinya itu, maka percayalah ia. Maka sembahnya, "Ampun tuanku, beribu-ribu ampun! Jikalau sudah dengan titah duli Yang Maha Mulia, relakan patik, seperti titah itu sedia terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik."

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 46)

Petikan tersebut menjelaskan bagaimana Pak Kaduk terpaksa menukar ayamnya iaitu Biring Si Kunani yang dikatakan mempunyai tuah untuk memenangi pertarungan tersebut. Oleh hal yang demikian, Pak Kaduk kehilangan kampung bukanlah kerana kebodohan seperti mana yang digariskan oleh Winstedt (Saiful Bahri Md. Radzi, 2001: 24). Perbuatan Pak Kaduk tersebut mempunyai asas iaitu tidak mahu melanggar wa' ad yang boleh mendatangkan malapetaka kepada dirinya.

Tindakan Pak Kaduk untuk menukar ayamnya dengan ayam raja dilihat sesuatu yang wajar pada zaman tradisional kerana kuasa yang dimiliki oleh raja terlalu kuat dan tidak mungkin dapat ditandingi oleh rakyat biasa. Rakyat biasa hanya menurut dan berserah untuk tidak menerima malapetaka yang boleh memusnahkan diri mereka. Perwatakan positif Pak Kaduk seperti menurut perintah raja bertujuan memenuhi keperluan

keselamatan (Frank G. Goble, 1987: 73). Berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik, Abraham Maslow menyatakan bahawa keperluan keselamatan bertujuan untuk menjamin keselamatan individu daripada ditimpa bahaya yang boleh memudaratkan kehidupan dan menyebabkan keselamatan seseorang itu terganggu. Oleh hal yang demikian, tindakan yang diambil oleh Pak Kaduk tersebut memperlihatkan perintah raja pada ketika itu tidak boleh disangkal dan dipermainkan dengan sewenang-wenangnya. Namun demikian, tindakan Pak Kaduk tersebut berupaya menyanggah dapatan kajian terdahulu yang menganggap bahawa masyarakat Melayu tradisional dikatakan sebagai masyarakat yang lurus, jumud, bodoh, taat kepada raja secara membuta tuli, tidak bertamadun, tidak pandai berfikir sehingga menyebabkan tanggapan yang bersifat negatif ini kekal dari dahulu hingga kini tanpa melihat keperibadian masyarakat Melayu tradisional.

Secara implisit, perlakuan menurut perintah yang diperlihatkan menerusi watak dan perwatakan Pak Kaduk menggambarkan kelemahan golongan pemerintah. Raja yang mengarah melakukan suruhan telah ditaati oleh Pak Kaduk atas sebab yang membawa kebaikan kepada dirinya sendiri. Fenomena tersebut jelas memperlihatkan watak Pak Kaduk yang sebenarnya menggunakan akalnyanya dengan betul dan menghasilkan senda gurauan tanpa rasa takut dan segan silu. Hasilnya, raja yang berkuasa mutlak berterusan dikritik sebagai golongan teratas yang sewenang-wenang menggunakan kuasa mereka. Perkara ini turut dipersetujui oleh Saiful Bahari Md. Radzi sebagaimana petikan berikut:

Cerita jenaka Melayu adalah cerita-cerita berunsur protes dan kritikan. Walaupun perubahan berlaku dari segi mesej, isi, gaya dan bentuknya. Sesuai dengan peredaran zaman yang dilalui tetapi nada sindiran, protes, dan kritik tetap menyerlah. Kiasan mengaburi sindiran protes dan kritik yang kadang kala begitu tajam dan seterusnya dihalalkan pula menerusi sinis di kalangan khalayak. Walaupun sesuatu isu itu serius dan rasmi, ia mampu diperkatakan dalam keadaan senda gurauan tanpa rasa takut dan segan silu.

(Persuratan Melayu Dari Lontar Ke Layar, 2001: 30)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa watak Pak kaduk bukan hanya semata-mata watak yang boleh menggelikan hati khalayak kerana watak ini jelas menunjukkan kritikan rakyat biasa terhadap pihak pemerintah. Walaupun kritikan itu dikaburi dengan kebodohan seperti mana yang diperkatakan oleh Winstedt (Saiful Bahri Md. Radzi, 2001: 24) namun ia memperlihatkan kesedaran yang tinggi mengenai kedudukan rakyat biasa yang perlu taat akan perintah raja.

### **2.3 Berani**

Watak dan perwatakan berani selalunya dapat menyahut cabaran dan dugaan yang terpaksa ditempuhi. Menurut Kamus Dewan (2010: 167), perkataan berani membawa maksud gagah, perkasa dan tidak takut. Keberanian watak utama dalam sesebuah cerita jenaka turut memperlihatkan kegagahan yang berbeza dan bersifat istimewa berbanding

watak-watak lainnya. Seharusnya cerita jenaka Melayu yang kewujudannya pada zaman tradisional dan mempunyai hubungan yang erat dengan realiti kehidupan masyarakat tradisional perlu diperhalusi maknanya secara eksplisit dan implisit. Berdasarkan penelitian, terdapat kajian terdahulu yang tidak menghalusi secara mendalam persoalan yang disuguhkan menerusi cerita jenaka Melayu. Contohnya, Ariffin Nur (1971:46) berpendapat bahawa watak dan perwatakan yang dibawakan menerusi cerita jenaka Melayu mempunyai sifat negatif tanpa menyerlahkan makna positif serta keistimewaan di sebalik kebodohan, kemalangan, kelurusan dan kecelakaan sehingga memudaratkan diri sendiri. Kenyataan tersebut sebagaimana petikan berikut:

“cerita-cerita jenaka telah disusun oleh orang-orang Melayu dahulu kerana melukiskan sifat keganjilan manusia seperti tentang kebodohan, kemalangan, kelurusan, dan kecelakaan”.

(Kesusasteraan Lama Melayu, 1971:46)

Petikan tersebut memperlihatkan tanggapan yang sinonim dengan pandangan Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24). Justeru, untuk menangkis tanggapan tersebut, kajian ini memperlihatkan watak dan perwatakan positif yang diperlihatkan menerusi cerita jenaka Melayu bertajuk *Awang Lurus*. Keberanian watak Awang diperlihatkan menerusi usahanya memikat anak-anak pembesar istana sebagaimana petikan berikut:



Hang ni dah besak panjang dah tak kan tak teringin nok kawen. Sebab kito pun bukan orang susah dah la ni, orang senang dah (he he he), duit kupang habaq banyak mana pun (he he he). Erm..p cari anak-anak datuk tuh, yang duk mandi-mandi di taman tu. Awang kato hah sonok jugak ho. Pas tu Awang cakap ish nak p wat geno? Mok dio kata p la ngorat. Duk sembang duo beranak nok wat lagu mano.

(Cerita Jenaka Melayu Bertajuk *Awang Lurusoleh*

Penglipur lara Ramli Mahmood, Mac 2013)

Petikan tersebut memperlihatkan kematangan watak dan perwatakan Awang sebagai seorang lelaki dewasa yang bersifat normal. Perlakuan dan keinginannya untuk memiliki isteri dengan cara memikat anak-anak pembesar menggambarkan keberanian anak teruna Melayu pada zaman tradisional. Perkahwinan merupakan ikatan suci yang harus dilaksanakan sebagaimana maksud firman Allah SWT berikut:

Maha Suci Tuhan Yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.

(Surah Yaa Sin : Ayat 36)

Maksud firman Allah SWT tersebut menjelaskan bahawa setiap manusia diciptakan oleh-Nya secara berpasang-pasangan. Sehubungan itu, setiap manusia perlu yakin terhadap segala ketentuan yang telah ditentukan oleh-Nya. Kenyataan tersebut sebagaimana luahan hasrat watak ibu kepada Awang Lurus yang berhasrat agar anak terunanya mencari pasangan hidup dan mendirikan rumah tangga. Awang Lurus mempunyai semangat berani malah tidak berputus asa untuk mencari pasangan hidupnya. Walaupun usaha Awang Lurus untuk memikat anak-anak pembesar telah menemui jalan kegagalan, namun watak tersebut tidak patah semangat lalu berani mengembara seorang diri untuk mencari calon isteri. Keinginan tersebut turut dilaksanakan dengan keluar mengembara untuk memenuhi amanat ayahnya supaya Awang menemui calon isteri yang bijaksana. Contoh petikan:

Pas tu dio pun habaq kat mok dio. Dio nok keno p macam zaman orang tua-tua dulu pangge beransat, beransat tapi orang la pangge mengembara. Bahasa dulu tapi duduk hilang cam gitu lah. Bahasa ibunda kampung. Dio habaq mok dio, dio nok mengembara nok cari bakal isteri dio. Mok dio kato tak pol ah lagu tu hang p la. Pas tu dio pun bertekad di hati. Tu dio mengembara tapi cerito ni dio duk semacam musang janggut juga lah, macam P. Ramlee buat tu, tapi lain sikit. Dio mengembaro, dio mengembaro habis satu negeri ke satu negeri. Bermacam-macam dio jumbo dalam mengembaro dio tu.

(Cerita Jenaka Melayu Bertajuk

*Awang Luru* soleh Penglipur lara

Ramli Mahmood, Mac 2013)

Petikan tersebut memperlihatkan watak Awang mempunyai perwatakan berani untuk keluar mengembara seorang diri bertujuan mencari calon isteri. Pengembaraannya dari satu tempat ke satu tempat mengambil masa yang lama. Namun demikian, Awang telah berjaya memiliki gadis idamannya. Pengembaraan watak utama menerusi cerita jenaka Melayu tersebut menggambarkan keberanian, kekuatan fizikal dan mental supaya watak utama ini berupaya memperoleh segala hajat yang dihasratkan.

Kenyataan tersebut sebagaimana prinsip keperluan akan kasih sayang menerusi pendekatan Psikologi Humanistik (Frank G. Goble, 1987: 74). Keberanian yang dimiliki oleh watak Awang ketika keluar mengembara untuk mencari calon isteri adalah suatu keperluan. Keberanian tersebut merupakan keperluan rasa untuk dimiliki dan memiliki individu lain dalam usaha untuk mencari dan mendapatkan teman, kekasih dan keinginan untuk menjadi sebahagian daripada komuniti. Sehubungan itu, watak Awang menerusi cerita jenaka Melayu merupakan watak positif yang berani dan bertentangan dengan pendapat Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) yang hanya merendah-rendahkan keupayaan watak-watak utama menerusi cerita jenaka Melayu.

## 2.4 Mempertahankan Hak

Menurut *Kamus Dewan* (2010: 1568), mempertahankan bermaksud mengikhtiarkan supaya tidak berubah, mengusahakan supaya tidak berubah (kekal). Manakala hak pula bermaksud benar dan kebenaran. Oleh hal yang demikian, perkataan mempertahankan hak ini turut di sama ertikan dengan perbuatan mempertahankan pendirian untuk membuktikan sesuatu kebenaran. Hal ini kerana, hak merupakan milik individu yang seharusnya digunakan sebaik mungkin. Hak yang disalah guna kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah akan mengundang perkara buruk. Justeru, untuk mempertahankan hak dalam setiap tindakan, seseorang itu perlu mempunyai rasa dilindungi dan selamat daripada ancaman-ancaman luar. Contohnya, watak Si Luncai menerusi cerita jenaka Melayu berjaya mempertahankan haknya untuk meneruskan hidup daripada ditindas oleh raja yang zalim. Contoh petikan:

Maka titah baginda, "Adakah ayahanda bonda bertanyakan aku di sini?" maka sembah Si Luncai, "Adalah sangat, tuanku. Patik ceritakanlah kepada baginda itu dari awal sehingga ke akhirnya serta fasal kematian patik itu. Maka demi didengarnya sebab kematian patik tuanku bunuh itu, wah, baginda laki isteri pun terlalu murka akan tuanku! Titahnya: 'Tiada patut sekali-kali diperbuat oleh anakku itu, sebab kesalahan engkau yang begitu sedikit disuruh bunuh.' Kemudian lalu disuruhnya hantarkan patik pada malaikat orang tua

patik balik ke dalam dunia ini, kerana ajal patik belum sampai lagi katanya.

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 113)

Petikan tersebut menggambarkan watak dan perwatakan si Luncai yang mempertahankan haknya dengan membuat helah, berbohong dan mengatakan bahawa dirinya telah dihidupkan kembali oleh ayahanda dan bonda Maharaja Isin. Si Luncai berusaha membuat helah mempertahankan haknya kerana kesalahan yang dilakukan olehnya terlalu kecil dan tidak berpadanan dengan hukuman bunuh yang ditentukan oleh raja terhadapnya. Contoh petikan:

Hatta, setelah baginda mendengar sembah Si Luncai, maka baginda pun murka terlalu amat, merah padam warna mukanya, seraya bertitah, "Hai si luncai, sampailah engkau ini kanak-kanak lagi miskin, patutlah tiada mempunyai akal dan fikiran! Adakah sampai hemat engkau menyamakan sifat aku dengan rupa bapa engkau yang sudah mampus itu? Ceh, ceh tidak kusangka sekali-kali demikian berani engkau! Maka sekarang engkau ini derhaka kepada aku, tentulah engkau ku bunuh."

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 108)

Petikan tersebut memperlihatkan watak dan perwatakan Maharaja Isin sebagai seorang pemerintah yang zalim kerana menjatuhkan hukuman kepada rakyat jelata dengan sewenang-wenangnya. Sehubungan dengan itu, watak si Luncai telah mempertahankan haknya agar tidak terus dizalimi. Kebijaksanaan watak si Luncai membuat helah telah berjaya mempertahankan haknya sehingga berupaya membunuh Maharaja Isin. Contoh petikan:

Telah itu baginda pun masuklah dan si Luncai berdiri di luar mongkor itu. Setelah musta'id, lalu dihulurkan sekalian menteri hulubalang dan orang-orang besar baginda dengan si Luncai ke dalam lubang itu. Maka pada waktu yang hendak turun mongkor itu, si Luncai bersedia sahajalah hendak berlepas dirinya. Dengan takdir Allah Ta'ala, adalah pula suatu lubang yang lain, boleh naik ke dunia balik. Apabila terpandang sahaja olehnya, maka ia pun melompatlah ke atas suatu batu di tepi lubang itu dengan pantas. Maka baginda tiadalah sempat hendak keluar lagi, oleh tali mongkor terlalulah amat deras dihulurkan oleh mereka yang berada di atas itu. Maka dilihat baginda makin lama makin gelap gulitanya sehingga lemaslah baginda tak boleh bernafas lagi.

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 116)

Petikan tersebut menggambarkan helah dan kebijaksanaan si Luncai untuk mempertahankan haknya. Si Luncai telah membunuh Maharaja Isin dengan mengatakan lubang yang terdapat di gua tersebut adalah jalan untuk ke Syurga. Si Luncai turut menyatakan bahawa lubang di gua tersebut merupakan tempat ayahanda dan bonda Maharaja Isin ditempatkan oleh Allah SWT. Fenomena tersebut memperlihatkan helah si Luncai menggunakan kebijaksanaan akal fikirannya untuk menewaskan Maharaja Isin yang zalim itu. Persoalan tersebut bertentangan dengan pendapat Noriah Taslim (2008) yang menyamai pandangan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) sebagaimana berikut:

Dalam bentuk cerita jenaka yang rendah ini, jenaka rakyat mempunyai dimensi keintelektualan kreatif orang Melayu yang mengagumkan. Hal ini dapat dilihat melalui episod muslihat, tipu daya, ikhtiar dan perancangan watak semasa cuba melepaskan diri daripada masalah dan bencana.

(Dewan Sastera, 2008: 90)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa cerita jenaka Melayu adalah hasil kreativiti orang Melayu yang pandai untuk membuat muslihat, tipu daya, ikhtiar dan beberapa perancangan untuk melepaskan diri dari masalah dan bencana. Watak dan perwatakan si Luncai jelas memperlihatkan unsur mempertahankan hak daripada penganiayaan golongan yang lebih berkuasa. Persoalan tersebut menyuguhkan watak dan perwatakan si Luncai yang berlawanan dengan sifat bodoh, bebal, dungu dan tolol. Selain itu, si

Luncaï turut memperlihatkan watak dan perwatakan yang berlawanan dengan sifat "sial". Hal tersebut turut membuktikan sesuatu yang menyimpang daripada kenyataan Winstedt yang menyatakan watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu menggambarkan kelemahan sebenar masyarakat Melayu (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24). Si Luncai digambarkan sebagai watak dan perwatakan seorang rakyat biasa yang berani untuk mempertahankan haknya agar tidak diperlekehkan oleh golongan atasan secara sewenang-wenangnya. Kenyataan tersebut sinonim dengan pendapat Hassan Ahmad (2007) menerusi petikan berikut:

"Dapat dirasai bahawa Si Luncai tidak menepati watak rakyat Melayu biasa yang cepat tunduk dan akur, berserah kepada keadaan dan nasib, patuh kepada terhadap pihak berkuasa yang berkuasa dan berwibawa; ini adalah kerana sejak awal lagi dia senantiasa berusaha dan berdaya melepaskan dirinya apabila terperangkap atau merancang kebaikan bagi dirinya; pada masa hadapan. Besar kemungkinan cerita si luncai bersemarak dalam masyarakat Melayu kosmopolitan di bandar dan pelabuhan berbanding dengan watak Pak Belalang dan watak seperti Pak Kaduk, Pak Pandir dan Lebai Malang.

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: xxxvii)



Petikan tersebut menjelaskan bahawa semangat perjuangan si Luncai yang masih lagi belum sehati dalam diri khalayak pada masa itu. Si Luncai sentiasa mempunyai akal untuk mempertahankan dirinya daripada ditimpa musibah dan fenomena ini adalah berbeza dengan watak-watak lain seperti Pak Kaduk yang hanya menurut perintah dan menerima hukuman walaupun tidak bersalah. Ciptaan watak dan perwatakan si Luncai menerusi cerita jenaka Melayu yang dihasilkan pada zaman tradisional membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu bersifat futuristik, berani dan berfikir di luar kebiasaan. Watak si Luncai telah memenuhi keperluan akan harga diri dengan membunuh Maharaja Isin. Si Luncai turut dilantik sebagai raja setelah kematian Maharaja Isin dan seterusnya mengahwini puteri raja iaitu anakanda kepada Maharaja tersebut.

Perbuatan mempertahankan hak tersebut amat sinonim dengan keperluan akan harga diri menerusi pendekatan Psikologi Humanistik (Frank G. Goble, 1987: 76). Keperluan tersebut merujuk kepada perasaan ingin dihormati, disanjung dan dipuji. Setelah perasaan tersebut dipenuhi, seseorang itu akan merasa dirinya berguna dan dihargai. Kenyataan tersebut sebagaimana petikan berdasarkan cerita jenaka Melayu si Luncai:

“Ayuhai sekalian encik-encik dan tuan-tuan, besar kecil, tua muda, laki-laki perempuan, hina mulia, yakni seisi negeri ini! Bahawa sekarang dengan titah Yang Dipertuan yang telah berangkat ke negeri akhirat itu, pada masa ini Encik Luncailah ganti baginda menjadi raja kita sekalian, kerana baginda itu tiada diberi oleh paduka

Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy, "Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 296-329  
marhum berbalik ke dunia ini. Dan lagi disuruh baginda  
dikahwinkan Luncai dengan anakanda baginda Tuan  
Puteri Lela Kendi Itu".

(Hassan Ahmad, 2007: 117)

Petikan tersebut memperlihatkan perbuatan watak si Luncai yang mempertahankan haknya dan akhirnya Si Luncai berjaya menerima ganjaran, menaiki takhta dan seterusnya mengahwini Peteri Lela Kindi.

## **2.5 Menepati Janji**

Menurut *Kamus Dewan* (2010: 601), menepati bermaksud berpegang teguh pada (janji, kata dll), tidak memungkir dan menunaikan. Manakala janji pula bermaksud pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu (*Kamus Dewan*, 2010: 601). Sehubungan dengan itu, menepati janji dimaksudkan sebagai melaksanakan perkara yang telah disepakati. Menepati janji juga merupakan amalan yang dituntut dalam setiap agama. Hal ini demikian kerana jika seseorang itu membuat janji sudah semestinya janji tersebut mesti ditepati dan ditunaikan.

Menerusi watak dan perwatakan utama dalam cerita jenaka Melayu, sifat menepati janji memperlihatkan kemuliaan hati watak tersebut dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Justeru, perwatakan menepati janji bertentangan dengan watak dan perwatakan jahat yang sering memungkir janji. Perbezaan tersebut memperlihatkan watak positif yang berperibadi, jujur dan ikhlas dalam melakukan tindakan dan watak jahat yang bersifat negatif, sering mengganggu ketenteraman watak-watak lain yang berada di sekelilingnya.

Petikan berikut memperlihatkan watak dan perwatakan Pak Lebai yang bijak membuat keputusan, menggunakan akalinya dengan betul sehingga berupaya melakukan perbuatan mulia seperti menepati janji yang membawa manfaat dalam kehidupan. Kenyataan tersebut berupaya menangkis pendapat Winstedt mengenai watak dan perwatakan negatif menerusi cerita jenaka Melayu yang secara tidak langsung menggambarkan kelemahan masyarakat Melayu (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24).

Contoh petikan:

Sudah sembahyang, lalu berfikir di dalam hatinya, 'ke mana baik aku pergi ni? Jika kau pergi kepada orang mati tentu aku mendapat sedekah kain putih dan tikar. Dan kalau aku pergi kepada orang berkhatam pengajian itu, perutku tentulah kenyang, dan sedekah pula secupak daging kerbau, serta kelapa setali dan kampil beras satu. Dan jikalau aku pergi kepada orang berdikir itu, perutku tentulah kenyang makan lempeng penganan angkatan orang itu. Maka kalau begitu baiklah aku pergi kepada orang mati itu dahulu kerana sabda junjungan, dahulu kerjakan wajib daripada kerja yang lain-lain.

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 54)

Menerusi petikan tersebut, walaupun watak Pak Lebai masih teragak-agak ingin melakukan sesuatu perkara, namun dirinya tetap positif dan kuat berpegang dan menepati janji sebagai seorang Muslim. Contohnya, Pak Lebai telah melakukan pilihan tepat, memilih perkara yang wajib didahulukan iaitu menguruskan jenazah orang meninggal berbanding urusan lainnya. Seterusnya, watak Lebai Malang turut memperlihatkan seorang yang teguh berpegang kepada janji untuk memenuhi undangan kenduri. Watak Lebai Malang turut digambarkan sebagai seorang yang berperibadi mulia. Contohnya, walaupun nasibnya malang kerana habuan bekalannya telah dilarikan anjing, namun beliau tetap redha dengan takdir yang telah ditentukan. Contoh petikan:

Setelah dilihat oleh Pak Lebai punai itu terbang, putih lah matanya dengan putus asanya, kerana segala perkara yang diusahakannya itu suatu pun tiada memberi faedah kepadanya. Maka ia pun mengucapkan syukurlah kepada Allah lalu ia pun kembalilah kepada lubang kayu tadi hendak mengambil kain bajunya.

(Cerita Jenaka Melayu, 2007: 56)

Petikan tersebut menggambarkan watak dan perwatakan Lebai Malang yang tetap bersyukur walaupun segala yang diusahakan untuk mendapatkan kembali bekalan habuan itu tidak berhasil. Watak dan perwatakan Lebai Malang yang menepati janji dan redha dengan takdir Ilahi bersesuaian dengan prinsip keperluan mencapai nirvana diri menerusi pendekatan Psikologi Humanistik (Frank G. Goble, 1987: 77). Keperluan mencapai nirvana diri amat berkait rapat dengan keinginan untuk mewujudkan dan

mengembangkan potensi diri. Individu pada tahap ini lazimnya sudah mencapai tahap keunikan atau kesempurnaan yang diinginkannya dan biasanya mempunyai kawalan diri yang tinggi sehingga tindakan dan tingkah lakunya dibimbing oleh matlamat dan kesempurnaan yang ditentukan olehnya sendiri. Oleh yang demikian itu, perwatakan watak Lebai Malang yang berperibadi seperti menepati janji dan redha dengan takdir yang telah ditentukan oleh-Nya jelas bertentangan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Hashim Awang (2000) sebagaimana berikut:

“pendeknya ada tiga golongan watak lucu dalam cerita jenaka masyarakat kita. Pertama ialah golongan watak bodoh sial yang ditunjukkan oleh watak-watak Lebai Malang dan Pak Kaduk. Kedua merupakan watak bodoh pintar seperti yang terlihat pada watak Pak Pandir. Dan yang ketiga merupakan watak pintar yang diwakili oleh watak-watak Pak Belalang dan si Luncai.

(Mendekati Kesusasteraan Melayu, 2000)

Petikan tersebut menjelaskan pandangan Hashim Awang (2000) yang menyatakan bahawa terdapat tiga jenis perwatakan yang terkandung di dalam cerita jenaka Melayu iaitu bodoh, bodoh sial dan pintar. Pendapat tersebut selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24). Namun demikian, penelitian secara mendalam akan watak dan perwatakan Lebai Malang tidak memperlihatkan kebodohan malah tindakannya berasaskan akal fikiran yang rasional

dan berpegang kepada ajaran agama Islam. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat berikut:

berlainan dengan Lebai Malang, perkiraannya kononnya berdasarkan apa yang patut didahulukan dari segi ajaran agamanya sepadan dengan gelaran "lebai" yang disandangnya.

(Hassan Ahmad, 2007: xxxiii)

Secara tuntas, watak dan perwatakan Lebai Malang merupakan seorang lebai yang berperibadi, dihormati oleh masyarakat dan kuat berpegang kepada ajaran agama. Walaupun Lebai Malang bernasib malang tetapi bijak menggunakan akal fikirannya untuk membuat sesuatu keputusan dalam menjalani kehidupan seharian. Kenyataan tersebut bertentangan dengan pendapat Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) yang memandang rendah kepada keperibadian masyarakat Melayu. Kesahihannya turut diperlihatkan menerusi petikan berikut

"pada pertengahan abad ke-20, arus sentimen dan nada suara terhadap budaya Melayu memperlihatkan perubahan yang ketara. Tulisan Winstedt terutamanya sekali dikritik dengan hebat oleh Barat dan intelektual Melayu sendiri. Tulisan Winstedt dianggap cetek, tidak menyeluruh dan memperlihatkan keyakinan orang Inggeris yang keterlaluan terhadap kelebihan


bangsanya.(Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional,  
2010: 110)

### **3.0 Kesimpulan**

Watak dan perwatakan negatif menerusi cerita jenaka Melayu dikategorikan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) sebagai bodoh, bodoh sial, dan pintar. Pendapat tersebut turut mempengaruhi dapatan para pengkaji tempatan yang turut bersetuju dengan kebebalan watak dan perwatakan Pak Pandir, Pak Kaduk, atau Lebai Malang sehingga mengaitkannya dengan kelemahan orang Melayu.

Justeru, kajian ini berupaya membuktikan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu tidak menggambarkan kelemahan masyarakat Melayu tradisional malah mempunyai keperibadian yang tinggi. Kenyataan tersebut diperkukuhkan menerusi ciri-ciri watak dan perwatakan positif di dalam cerita jenaka Melayu iaitu ringan tulang, watak yang menurut perintah, watak yang berani, watak yang mempertahankan hak, dan watak yang menepati janji. Dapatan kajian tersebut disahkan kebenarannya menerusi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam pendekatan Psikologi Humanistik yang diperlihatkan menerusi rajah berikut:

### Perwatakan Positif Pendekatan Psikologi Humanistik



Rajah 1.0

Rajah 1.0 tersebut memperlihatkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam pendekatan Psikologi Humanistik dan keselariannya dengan ciri-ciri watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu seperti ringan tulang, menurut perintah, berani, mempertahankan hak dan menepati janji. Hasilnya, kajian ini berupaya membuktikan bahawa pandangan yang dikemukakan oleh Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) mengenai ciri-ciri negatif yang dipunyai oleh watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu adalah tidak tepat sama sekali. Dapatan kajian yang dikemukakan oleh Winstedt tersebut adalah cetek dan tidak menyeluruh. Justeru, watak dan perwatakan positif seperti ringan tulang, menurut perintah, berani, mempertahankan hak dan menepati janji menerusi cerita jenaka Melayu berupaya menolak pandangan Winstedt (Saiful Bahari Md Radzi, 2001: 24) yang hanya mengkategorikan tiga perwatakan sahaja iaitu bodoh, bodoh sial dan pintar. Secara tidak langsung kajian ini berupaya memaparkan keperibadian masyarakat Melayu yang mempunyai keilmuan dan ketamadunan yang tinggi sejak zaman tradisional lagi.



## Rujukan

- A.Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Ariffin Nur. "Kesusasteraan Rakyat." Dalam *Kesusasteraan Lama Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.
- Frank G. Goble. *Mazhab Ketiga Psikologi Humanistik Abraham Maslow*. Yogyakarta: Kanisius, 1987.
- Hashim Awang, et al. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Hassan Ahmad. *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2007.
- Ismail Hamid. "Sastera Rakyat". Dalam *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman, 1987.
- Kamus Dewan* (Edisi keempat), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Noriah Taslim. "Menghayati Sastera Melayu Tradisional Semaksimumnya." *Dewan Sastera*. November 2003: 13.
- Noriah Taslim. "Protagonis dalam Era Pascakolonial: Perubahan Ideologi dan Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional." Dlm *Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy, "Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 296-329

Noriah Taslim. "Gander, Kelas, dan Hirarki dalam cerita-cerita Jenaka Melayu: Pemindahan Dunia Nyata ke dalam kerangka olokan." *Seminar Jenaka Melayu Nusantara. 21-23 Ogos*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

Noriah Taslim. "Kesusasteraan Melayu Tradisional Dalam *Teori Sastera Moden*." Dewan Sastera. Disember 2008: 25-26.

Rukiah Binti Mohamad. *Asas-asas Pembinaan Insan*. Shah alam. Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UITM. 2008.

Saiful Bahri Md. Radzi. "Pengkajian cerita Jenaka: Satu Penilaian Krisis: Persuratan Melayu." Dalam *Dari Lontar Ke Layar*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Shamsuddin Ahmad. *Kamus Peribahasa* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2007.

Terjemahan Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu. Al-Hidayah House of Qur'an Sdn. Bhd, 2009.

Wan Abdul Kadir wan Yusuf. "Tradisi Lisan daripada kaca Mata Budaya." *Dlm Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.